

24/02/1997

Sultan syor wujud koridor mini multimedia

ALOR STAR, Ahad - Sultan Kedah menyarankan kerajaan negeri supaya mewujudkan koridor mini multimedia di negeri ini, seiring dengan usaha kerajaan pusat membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata, langkah itu penting bagi memastikan Kedah tidak ketinggalan daripada arus pembangunan industri teknologi maklumat (IT), sekali gus meningkatkan pertumbuhan pesat industri perkilangan.

Menurutnya, sejajar usaha Kerajaan Pusat mewujudkan MSC, kepemimpinan negeri yang diterajui Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid, harus mengambil langkah awal ke arah yang sama.

"Usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membangunkan MSC sepatutnya diberi perhatian khas oleh kerajaan negeri dalam mengejar arus pembangunan IT.

"Saya berharap langkah awal perlu diambil dari sekarang bagi mewujudkan Koridor Mini Multimedia di negeri ini supaya kita tidak ketinggalan," katanya.

(END)